



UCAPAN PERASMIAN

**SEMINAR ON EMPOWERING STRUCTURAL INTEGRITY TOWARDS
SUSTAINABLE CONSTRUCTION**

OLEH

**YB MENTERI KERJA RAYA
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**17 OGOS 2015
PULLMAN HOTEL,
KUCHING SARAWAK**

Bismillahirrahmannirahim

Y.Bhg.Dato' Seri Judin Bin Abd. Karim,
Ketua Eksekutif CIDB,

YBhg. Datuk Torstein Dale Sjøtvi,
CEO Sarawak Energy Berhad,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

1. Alhamdulillah syukur kehadiran ilahi, dengan limpah kurnianya, dapat kita berkumpul pada hari ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, CIDB dan Sarawak Energy kerana sudi menjemput saya ke "*Seminar Empowering Structural Integrity towards Sustainable Construction*".
2. Saya difahamkan bahawa objektif seminar pada hari ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengamal industri mengenai penggunaan *structural steel* bersesuaian dan menepati piawaian yang ditetapkan dalam kerja-kerja pembinaan mereka. Ini bermaksud keseluruhan rangkaian kerja projek, bermula dari perancangan, pelukisan plan struktur, tugas membuat *costing*, semakan terhadap barangan binaan di tapak, kepenggunaan barangan keluli yang diperakui standard dalam pembinaan, serta pemeriksaan dan

pentauliahan projek hendaklah menitikberatkan isu penetapan standard ini.

3. Untuk makluman, kerajaan telah banyak menerima aduan dari pelbagai pihak, baik daripada industri tempatan mahupun pihak perniagaan luar negara yang mengutarakan keraguan terhadap kualiti barangan binaan terpakai, termasuklah keluli, yang mungkin mengkompromikan keselamatan dan nilai kualiti sesuatu bangunan serta menimbulkan berbagai pertanyaan mengenai etika dan profesionalisma pihak pengamal dan professional industri. Walaupun kes penggunaan bahan binaan tidak berkualiti adalah kecil bilangannya, tindakan tegas hendaklah diambil oleh pihak penguatkuasa termasuk CIDB untuk memastikan industri pembinaan negara bebas dari budaya penggunaan bahan binaan yang tidak menepati standard.

Para hadirin sekalian,

4. Keutuhan struktur merupakan perkara paling penting dan kritikal di dalam aktiviti pembinaan. Ia melibatkan prestasi ketahanan sesuatu struktur bagi menyokong beban berat atau kuasa serta tekanan tanpa patah, pecah atau runtuh. Terdapat pelbagai faktor yang boleh memberi kesan terhadap keutuhan struktur, iaitu bahan binaan yang digunakan, rekabentuk, kaedah pembinaan dan juga kompetensi dan kemahiran pekerja-pekerja yang melaksanakan aktiviti pembinaan.

5. Di negara kita sendiri terdapat beberapa kes kegagalan struktur. Sejak Januari 2015 sehinggalah ke hari ini, terdapat lima kes keruntuhan struktur di dalam projek pembinaan. Antara kes yang diketahui umum adalah keruntuhan lantai pada salah satu tingkat bangunan sebuah pusat membeli-belah yang sedang di bina di Alor Gajah, Melaka. Insiden ini telah meragut 3 nyawa, dan mencederakan 6 orang pekerja. Pada 12 Ogos yang lepas, tiga pekerja parah, dan dua lagi cedera apabila struktur lantai bangunan kedai serbaguna yang sedang dalam pembinaan runtuh di Selayang Prima. Kejadian-kejadian seperti ini boleh menjejaskan imej industri pembinaan dan menghalang industri ini daripada menarik minat belia tempatan yang berkemahiran untuk bekerja di dalam sektor pembinaan. Ia juga boleh mampu mencalarkan imej Negara di mata dunia. Sebagai sebuah Negara yang akan mencapai taraf Negara maju menjelang 2020, seharusnya kita mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki keadaan ini.

Para hadirin sekalian,

6. Pindaan Akta 520 (2011) CIDB telah diluluskan oleh Parlimen dan saya telah menandatangani penguatkuasaan Akta tersebut pada 1 Jun 2015. Sebahagian pindaan ini melibatkan Pematuhan Standard bahan binaan dan pindaan berkenaan memberi kuasa yang lebih luas kepada CIDB sebagai badan penguatkuasa bagi memperakukan kualiti produk binaan yang disenaraikan di dalam Jadual ke-4 Akta ini. CIDB juga diberi kuasa untuk menyita, menahan tanpa waran ATAU dengan waran bagi pelanggaran mana-mana seksyen Akta 520.

7. Selain rekabentuk dan jenis bahan yang digunakan, kemahiran personel binaan yang terlibat merupakan satu faktor yang sangat penting dalam memastikan *Structural Integrity*. Pindaan Baru Akta CIDB mewajibkan Pendaftaran Personel Binaan, bagi membolehkan CIDB memperolehi data yang mencukupi dan tepat untuk membuat unjuran mengenai keperluan tenaga kerja, kesesuaian bidang latihan dengan keperluan negara dan tahap kemahiran tenaga kerja sedia ada.
8. Pindaan tersebut juga mewajibkan kesemua penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir di dalam tred yang disenaraikan di dalam Jadual ketiga, Akta 520 diakreditkan, iaitu mendapatkan pentauliahan sebagai perakuan kepada bidang kemahiran mereka. Ini kerana hanya personel binaan yang telah diperakui kemahirannya dapat menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti, kompeten dan berproduktiviti tinggi. Ini seterusnya dapat menaikkan imej personel binaan agar ianya lebih menarik sebagai kerjaya pilihan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Sukacita saya juga ingin memaklumkan mengenai usaha kerajaan untuk melancarkan pembangunan, terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Untuk makluman, pada tahun 2014, sebanyak 7,180 projek pembinaan bernilai RM 149.92 billion telah dijalankan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,558 projek bernilai RM 21.99 billion merupakan projek sektor awam dan 5,622 projek bernilai RM 127.52 billion merupakan projek swasta.

10. Dari senarai projek tersebut, di Sarawak sahaja 3 projek terbesar telah dilaksanakan yakni projek MLNG Dua Rejuvenation di Bintulu bernilai RM501 juta; projek Loji Janakuasa Arang Batu Balingan bernilai RM347 juta; dan projek Kampus Muzium Sarawak bernilai RM308 juta.

11. Seterusnya, Lebuh raya Pan Borneo iaitu satu rangkaian laluan persekutuan yang menghubungkan Sarawak, Brunei dan Sabah telahpun termeterai dan kerja-kerja awal telahpun bermula. Di bawah jajaran Pan Borneo juga terdapat beberapa projek besar termasuk pembinaan jalan dari Teluk Melano ke Sematan (bernilai RM650 juta) dan pembinaan 27 lorong memotong di Jalan Persekutuan Sarawak (bernilai RM220 juta). Ini tidak termasuk program pengukuhan/ penggantian jambatan-jambatan di Sarawak yang melibatkan perbelanjaan kerajaan persekutuan sebanyak RM729.94 juta. Kesemua projek ini akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan; mewujudkan permintaan untuk barangan binaan tempatan; dan apabila selesai nanti akan mewujudkan berbagai peluang perniagaan untuk rakyat tempatan dan lebih daripada itu mengurangkan kos hidup rakyat.

Para hadirin sekalian,

12. Kementerian Kerja Raya bersama CIDB juga telah membangunkan satu pelan baru iaitu Pelan Induk Transformasi Industri Pembinaan (CITP) untuk mentransformasikan industri pembinaan menjelang 2020. Secara ringkas CITP akan menjadi pemangkin kepada:
 - a. Peningkatan Produktiviti industri pembinaan;
 - b. Mengutamakan Kemampanan Alam Sekitar (yakni *sustainability*) dalam semua pelan dan usaha pembinaan;
 - c. Meningkatkan Kualiti, Keselamatan dan professionalisma;
 - d. Mengantarabangsakan standard dan kualiti industri pembinaan supaya dikenali sebagai antara yang terbaik bagi membolehkan kita bersaing di pasaran antarabangsa.

Sokongan dan penyertaan tuan-puan dalam segala usaha ini adalah sangat-sangat dihargai.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy Berhad dan CIDB kerana jalinan kerjasama mereka bagi merealisasikan dan menjayakan seminar ini. Saya berharap agar seminar ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
14. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan “*Seminar Empowering Structural Integrity towards Sustainable Construction*”.

Sekian.

Wabillahitaufik

walhidayah,wassalamualaikum

warahmatullahi

wabarakatuh.